



## **MCMC akan ambil tindakan terhadap Meta berkaitan kandungan elemen kaum, raja dan agama**

Oleh Saadiah Ismail - Jun 23, 2023 @ 10:19am  
saadiah\_ismail@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat induk Facebook, Meta Platforms Inc (Meta) kerana kandungannya menyentuh elemen kaum, raja dan agama (3R).

MCMC dalam satu kenyataan berkata, selain daripada 3R, platform itu juga dibelenggu dengan jumlah kandungan memudaratkan seperti penyamaran, judi dalam talian serta iklan penipuan.

"MCMC pernah menghubungi Meta untuk menurunkan kandungannya yang dimaksudkan, tetapi ia gagal dan tidak mendapat kerjasama sepenuhnya.

"Maklum balas Meta disifatkan lembap, kurang memuaskan, tidak setimpal dengan tahap keseriusan perkara itu yang mengundang kebimbangan dan penelitian awam.

"Justeru tindakan yang diambil itu bertujuan untuk memastikan pengguna dilindungi dan mempunyai persekitaran selamat dalam alam digital," menurut kenyataan itu.

MCMC berkata, tindakan itu perlu dalam menyemaikan kebertanggungjawaban untuk keselamatan siber selain memperkasakan perlindungan pengguna terhadap kandungan memudaratkan termasuk aktiviti penipuan.

"MCMC tidak akan berkompromi terhadap sebarang perbuatan menyalahguna platform dalam talian dan telekomunikasi, rangkaian atau kemudahan dalam talian secara berterusan untuk aktiviti siber berniat jahat, meragukan ataupun sebarang kandungan yang mengganggu-gugat kestabilan kaum, keharmonian sosial serta penghinaan terhadap institusi diraja," menurut kenyataan itu.